



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

KEMBARA KERJAYA MADANI S.P.A X MFJ SUNGAI SIPUT 2025: KERJASAMA SPA DAN PERKESO MENDEKATKAN PERKHIDMATAN SPA KEPADA MASYARAKAT LUAR BANDAR

SUNGAI SIPUT, 27 September 2025 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menganjurkan Program Kembara Kerjaya MADANI S.P.A X MFJ Sungai Siput 2025 bertempat di Dewan Perbandaran Sungai Siput (U), Perak pada hari ini. Turut hadir YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Pengerusi SPA dan SPKP.

Kembara Kerjaya MADANI S.P.A X MFJ Sungai Siput 2025 merupakan inisiatif Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memberi dorongan, galakan serta panduan kepada masyarakat luar bandar di Daerah Kuala Kangsar khususnya, dan rakyat negeri Perak amnya, untuk mendapatkan peluang pekerjaan sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Program ini mencerminkan komitmen berterusan SPA bersama rakan strategik dalam mendekatkan perkhidmatan kepada masyarakat, terutamanya golongan luar bandar yang berdepan kekangan akses fizikal dan jaringan internet.

Program ini berjaya menarik kehadiran pengunjung melebihi sasaran 1,000 orang dengan pelbagai pengisian bermanfaat. Antara aktiviti yang ditawarkan termasuklah khidmat konsultasi SPA berhubung proses pengambilan ke perkhidmatan awam, kesesuaian jawatan yang dipohon, semakan status permohonan serta pendaftaran menerusi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9). Selain itu, turut diadakan sesi perkongsian panduan temu duga oleh Ahli Suruhanjaya dan taklimat kerjaya daripada pegawai-pegawai SPA dan PERKESO.

Pengunjung juga berpeluang menghadiri Temu Duga Terbuka oleh majikan swasta melalui inisiatif *MyFutureJobs*. Selain itu, turut diadakan perkhidmatan kaunter JPJ bergerak (*JPJ Mobile*) daripada Jabatan Pengangkutan Jalan yang menawarkan pelbagai kemudahan perkhidmatan seperti pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM), pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan lain-lain urusan berkaitan.

SPA kekal komited memastikan akses kepada prospek kerjaya dalam sektor awam dapat dinikmati secara inklusif oleh seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira lokasi mahupun latar belakang. Melalui penganjuran Program Kembara Kerjaya ini, SPA terus mendekati generasi muda khususnya pencari kerja luar bandar dengan memberi pendedahan mengenai proses permohonan dan perjalanan yang perlu ditempuhi, sekali gus membuka ruang untuk mencungkil bakat terbaik demi pembangunan negara.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
27 SEPTEMBER 2025